

SPAN digesa audit data tentukan catuan

Oleh AQMAR ALLADAD

aqmar.alladad@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) menggesa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) membuat pemerhatian dan mengaudit data air dengan segera sama ada catuan air wajar dilaksanakan.

Presidennya, S. Piarapakaran (**gambar**) berkata, SPAN harus bekerjasama dengan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) untuk meneliti situasi bekalan air yang turun secara mendadak di beberapa Loji Rawatan Air.

"Kalau lihat situasi sekarang, SPAN tidak boleh berlelang-lelang lagi kerana ramai pihak yang akan terlibat seperti rumah, kedai dan kilang.

"Namun, ini bukan perkara mudah sebaliknya SPAN perlu menjalankan audit dengan teliti mengikut formula kejuruteraan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar berhubung pengumuman Syabas untuk melaksanakan catuan air yang akan melibatkan sejuta penduduk di Lembah Klang sebagai langkah mengatasi masalah be-

kalan air sejak sebulan lalu.

Selain itu, krisis air turut berpunca daripada tindakan Kerajaan Selangor menghalang Kerajaan Pusat daripada meneruskan projek Loji Rawatan Air Sungai Langat 2 yang menyalurkan bekalan air dari Pahang ke Selangor.

Bagaimanapun, kata Piarapakaran, cadangan catuan air bukan penyelesaian munasabah kerana akan timbul masalah lain terutama di kawasan perumahan lama.

"Biasanya kawasan perumahan lama dan industri tidak mempunyai tangki perkhidmatan yang mampu menampung keperluan bekalan air selama sehari bergantung kepada saiz dan bilangan rumah.

"Jadi, apabila catuan air dibuat, kawasan ini akan terjejas serta-merta kerana tiada simpanan bekalan air," jelasnya.

Katanya, kebanyakan syarikat air di dunia mengelak daripada mencatu air kerana ia akan melibatkan kos tambahan yang tinggi.

"Bila buat catuan air, banyak perkara lain yang terjejas seperti tekanan sistem paip. Namun, pengguna juga memainkan peranan penting supaya tidak melakukan pembaziran air," katanya.

